

23/02/1997

Delegasi BN temui Presiden Cuba

Azman Hashim in Havana (Cuba)

HAVANA (CUBA): Delegasi pemimpin tertinggi Barisan Nasional (BN) yang berada di sini untuk lawatan kerja lima hari bagi menjalin hubungan politik dengan parti komunis Cuba (PKC), diberi penghormatan menemui Presiden Fidel Castro selama satu setengah jam semalam.

Delegasi yang diketuai Setiausaha Agung BN, Datuk Mohamed Rahmat yang juga Menteri Penerangan, diberi peluang melakukan kunjungan hormat terhadap pemimpin tertinggi PKC itu walaupun ia tidak termasuk dalam jadual lawatan.

Selain Mohamad, anggota delegasi BN adalah Naib Presiden MCA, Ong Ka Ting yang juga Timbalan Menteri Dalam Negeri; Setiausaha Agung MIC, Tan Sri G Vadivello; Setiausaha Agung Gerakan, Tan Sri Chan Choon Tak dan anggota Majlis Tertinggi Umno, Tan Sri Hussein Ahmad.

"Pertemuan dengan Castro adalah satu penghormatan kepada delegasi BN. Kami hanya diberitahu mengenainya pagi ini (semalam)," kata Mohamed kepada Bernama selepas pertemuan itu yang berlangsung di pejabat Castro di sini.

Katanya, pada pertemuan itu beliau menyampaikan undangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Castro melakukan lawatan rasmi ke Malaysia.

Castro menyambut baik undangan Dr Mahathir dan berjanji untuk melawat Malaysia apabila ada kesempatan, katanya.

Terdahulu Mohamed yang tiba kelmarin meletakkan kalungan bunga di tugu peringatan Jose Marti, seorang pejuang kemerdekaan Cuba.

Ia diikuti kunjungan hormat dan perbincangan dengan Menteri Luar Cuba, Roberto Robaina yang juga anggota Biro Politik Jawatankuasa Pusat PKC.

Sejak 1994, pertumbuhan ekonomi Cuba, walaupun mengalami kesan teruk disebabkan dasar sekatan Amerika, semakin rancak hasil transformasi dan pemulihan yang dilaksanakan.

Pada tahun itu, ia mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 0.7 peratus diikuti 2.5 peratus pada 1995 dan 7.8 peratus tahun lalu.

Eksport utama negara yang berpenduduk hampir 12 juta orang itu ialah gula, nikel, makanan laut, buah sitrus dan tembakau.

Delegasi BN itu kemudian mengunjungi Pengerusi Dewan Perhimpunan Kebangsaan Cuba, Ricardo Alarcon dan Menteri Pelancongan, Osmany Cienfuegos.

Kedua-duanya adalah anggota Biro Politik Jawatankuasa Pusat PKC.

Pada sebelah malam mereka diraikan dalam jamuan rasmi oleh anggota Biro Politik Jawatankuasa Pusat PKC, Jorje Lezcano. - Bernama

(END)